

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN
TIMBALAN PERDANA MENTERI, MERANGKAP
PRESIDEN PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA
MALAYSIA, DALAM UPACARA PEMBUKAAN
ASRAMA UNTUK ORANG-ORANG BUTA DI
JALAN BARAT, PETALING JAYA, PADA
JAM 10.00 PAGI

*Yang Berbahgia Pengerusi J. Kuasa Keja dan ahli²
Persatuan Orang² Buta*

YANG BERHORMAT PUAN AISHAH GHANI DAN DATUK ABDUL
GHANI GILONG,

YANG BERHORMAT TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA JEMPUTAN SEKALIAN.

BARU TUJUH BULAN YANG LEPAS, PERSATUAN INI
TELAH MENGADAKAN SATU MAJLIS JAMUAN DI HILTON HOTEL
UNTUK MEMUNGUT DERMA BAGI MENAMPUNG PERBELANJAAN
BANGUNAN ASRAMA INI. PADA WAKTU ITU, ASRAMA INI SEDANG
DIBINA. PADA PAGI INI, KITA BERSAMA-SAMA MENYAKSIKAN
BANGUNAN ASRAMA YANG TELAH SIAP DIBINA DAN AKAN
DIGUNAKAN DALAM MASA BEBERAPA HARI LAGI. SEBAGAI
PRESIDEN PERSATUAN INI, SAYA BERBANGGA ATAS KEJAYAAN

USAHA INI DAN JUGA SAMBUTAN YANG DIBERIKAN OLEH TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA ORANGRAMAI PADA MENJAYAKANNYA. DAN SAYA JUGA BERASA SUKACITA UNTUK DAPAT MERASMIKAN BANGUNAN INI.

2. PEMBUKAAN RASMI ASRAMA YANG KITA SAKSIKAN INI, MERUPAKAN SATU LAGI USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA MALAYSIA. INI JUGA MERUPAKAN SATU LANGKAH POSITIF BAGI MEMBERIKAN KEMUDAHAN LATIHAN DAN PEMULIHAN YANG SEMPURNA KEPADA ORANG-ORANG BUTA.

3. PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA MALAYSIA SEPERTI YANG TERMAKLUM, TELAH MENGADAKAN BEBERAPA USAHA MELATIH ORANG-ORANG BUTA DAN MENJADIKAN MEREKA INI ANGGOTA MASYARAKAT YANG BERGUNA, DAN KEMAHIRAN MEREKA SAMA SEPERTI ORANG-ORANG BIASA. DENGAN USAHA PERSATUAN INILAH KITA MELIHAT ORANG-ORANG BUTA YANG DILATIH, MEMPUNYAI SEMANGAT INGIN MAJU DAN MENCAPAI TARAF KEHIDUPAN YANG TIDAK MAHU BERGANTUNG KEPADA

ORANG LAIN, BAHKAN KEPADA TENAGA MEREKA SENDIRI. SAYA INGINLAH MENYATAKAN BAHAWA HOSTEL INI ADALAH SALAH SATU USAHA YANG TELAH DIJALANKAN DAN DIHARAP BEBERAPA BUAH LAGI DAPAT DIBINA.

4. SUNGGUHPUN USAHA MEMBINA PROJEK INI ADA MENGALAMI BEBERAPA KESULITAN, TETAPI DENGAN GALAKKAN, SOKONGAN DAN JUGA BANTUAN DARIPADA SEMUA PIHAK, KHASNYA ROTARY CLUB, KUALA LUMPUR, KITA TELAH BERJAYA MENGADAKAN NYA. DAN DENGAN SOKONGAN SEMUA PIHAK JUGA, SAYA HARAP USAHA MEMBINA ASRAMA SEPERTI INI AKAN BERJAYA. USAHA YANG TELAH DIJALANKAN INI, DAPAT MENANAMKAN PERASAAN KEYAKINAN DIRI SENDIRI BAGI ORANG-ORANG BUTA, KERANA MEREKA MERASAKAN BAHAWA, BUKAN SAHAJA MEREKA MEMPUNYAI BILIK TEMPAT TINGGAL, TETAPI MEMPUNYAI APA YANG BOLEH KITA SIFATKAN SEBAGAI RUMAH UNTUK MEREKA. KEMUDAHAN YANG DIADAKAN DI DALAM ASRAMA INI ADALAH SESUAI DENGAN TUJUAN

KITA UNTUK MELATIH ORANG-ORANG BUTA DALAM BEBERAPA BIDANG KEMAHIRAN. MEREKA TELAH MEMPUNYAI PEKERJAAN YANG BAIK, DAN KITA MENGGALAKKAN SUPAYA MEREKA MEMASOKI OPEN EMPLOYMENT.

5. PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA TELAH PUN MENJALANKAN USAHA-USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN MELUAS, PADA MEMBANTU ORANG-ORANG BUTA DI NEGARA INI. SELAIN DARIPADA MENGADAKAN USAHA PEMULIHAN DAN JUGA RANCANGAN LATIHAN BAGI ORANG BUTA, PERSATUAN INI JUGA BERUSAHA MENGADAKAN BEBERAPA CARA MENCEGAH BERLAKUNYA PENYAKIT BUTA DI KALANGAN ORANG-ORANG KITA, KHASNYA KANAK-KANAK. TERHADAP TUJUAN INI, PERSATUAN TELAH MENGADAKAN KELINIK DI LUAR BANDAR BAGI MERAWAT ORANG-ORANG YANG PEMANDANGANNYA SEMAKIN KABUR. KEMUDAHAN KELINIK INI, BUKAN SAHAJA DIJALANKAN DI SELANGOR DAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN, TETAPI JUGA DI SELURUH ~~NEGERA~~ ~~DI~~ SEMENANJUNG MALAYSIA. SEKALIPUN PERSATUAN INI

MENGHADAPI KESULITAN KEWANGAN UNTUK MEMBIAYAI RANCANGAN LATIHAN DAN AKTIVITINYA, TETAPI IA BERHARAP AKAN SENTIASA BERUSAHA BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN-KEPERLUAN YANG MAKIN BERTAMBAH ITU DENGAN APA IKHTIAR SEKALIPUN. SAYA HARAP ORANG-ORANG YANG BUTA PATUTLAH MENGGUNAKAN KEMUDAHAN INI.

6. SAYA SUNGGUH TERTARIK ~~HATI~~ DAN BERPUAS HATI DENGAN SOKONGAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA PROJEK ASRAMA INI, DARIPADA SEMUA PIHAK SEMENJAK PROJEK INI MULA DI TAJA HINGGALAH IA SELESAI DI BANGUNKAN. PROJEK SEPERTI INI MENCERMINKAN HASRAT KITA MEMPERKOKOH DAN MENAMBAHKAN KEMUDAHAN BAGI ORANG-ORANG BUTA, DI SAMPING MEMBERIKAN KHIDMAT YANG SESUAI KEPADA ORANG-ORANG BUTA YANG TIDAK BERNASIB BAIK DI NEGARA KITA INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

7. SEPERKARA YANG INGIN SAYA NYATAKAN DISINI *ialah* BAHAWA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN KERAJAAN PATUTLAH MENENTUKAN PELAKSANAAN DASAR YANG TEGAS MENGENAI PEMULIHAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN ORANG-ORANG BUTA DAN SEGALA IMPLIKASINYA. SAYA NYATAKAN DEMIKIAN KERANA TERDAPAT BEBERAPA KELEMAHAN DALAM USAHA KITA MENGATASI MASAALAH ORANG-ORANG BUTA INI. PERTAMANYA, TIDAK ADA STATISTICS YANG TERTENTU MENGENAI BILANGAN ORANG-ORANG BUTA. APA YANG ADA IALAH SATU PROJECTION, SATU ANGGARAN BAHAWA BILANGAN ORANG-ORANG BUTA, MENURUT MAB IALAH 25,000 ORANG. TETAPI ANGKA KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM 21,000 ORANG. CENSUS MENGENAI BILANGAN ORANG-ORANG BUTA *telah* DIADAKAN PERTAMA KALINYA *pada* TAHUN 1958. PADA WAKTU ITU, BILANGAN ORANG-ORANG BUTA IALAH SERAMAI 15,000 ORANG. DALAM CENSUS 1970, KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM TELAH MEMINTA JABATAN PERANGKAAN MEMBERIKAN ANGKA

ORANG-ORANG BUTA. TETAPI SEHINGGA HARI INI, STATISTICS YANG TERTENTU MASIH BELUM DIDAPATI. DALAM PADA ITU, MENGIKUT PENYELIDIKAN KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM DAN JUGA OLEH PERSATUAN, BILANGAN ORANG-ORANG YANG TELAH MULA HILANG PEMANDANGAN DISEBABKAN OLEH TUA, PENYAKIT DAN JUGA KEKURANGAN ZAT MAKANAN, MAKIN BERTAMBAH. INI MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA KITA, SEBAGAI NEGARA YANG MEMPUNYAI PENTADBIRAN YANG CEKAP, PENGELUARAN MAKANAN YANG BANYAK, PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG BAIK, TETAPI MASIH BELUM DAPAT MENGATASI KELEMAHAN YANG SAYA KATAKAN TADI. DEMIKIAN JUGA TIDAK ADA SATU SISTEM PENDAFTARAN YANG DIWAJIBKAN BAGI ORANG-ORANG BUTA INI. PENDAFTARAN HANYA BERUPA SUKARELA, DAN DENGAN ITU USAHA KITA BAGI MENENTUKAN KEDUDUKAN YANG SEBENARNYA DIMANA MEREKA BERADA, SEBAB-SEBAB MEREKA BUTA ADALAH TERBATAS SEKALI.

8. SATU PERKARA LAGI IALAH MENGENAI USAHA KERAJAAN HENDAK MELICINKAN PERJALANAN DAN PEN-TADBIRAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN MASYARAKAT DALAM BEBERAPA BIDANG. DALAM HUBUNGAN INI, KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM TELAH MENGESYORKAN PENUBUHAN SEBUAH MAJLIS PENYELARASAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA, ATAU COORDINATING COUNCIL OF VOLUNTARY ORGANISATIONS, YANG BOLEH MENYELARASKAN PENTADBIRAN BADAN-BADAN TERSEBUT DENGAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN KERAJAAN, DI SAMPING MENGADAKAN JENTERA UNTUK MEMBINCANGKAN MASAALAH YANG ^{dihadapi oleh} ~~MENGHADAPI~~ PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA ITU.

9. SAYA YAKIN PENUBUHAN MAJLIS TERSEBUT YANG AKAN DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI TIDAK LAMA LAGI, AKAN DAPAT MENGHASILKAN KOORDINASI YANG LEBIH LICIN, LEBIH RAPAT DAN LEBIH TEGAS, DENGAN JABATAN ATAU AJENSI KERAJAAN DALAM BEBERAPA PERKARA. KERAJAAN SANGAT SEDAR DAN MENGHARGAI AKAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PERTUBUHAN SUKARELA DALAM BEBERAPA BIDANG ITU, SEHINGGA MEREKA DAPAT MEMBANTU KERAJAAN DALAM USAHA MENGATASI MASALAH SERTA SOAL-SOAL MASYARAKAT YANG INGIN MENDAPAT PERHATIAN KERAJAAN.

10. BERBALIK KEPADA USAHA MAB INI, SAYA INGINLAH MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN RASA TERIMA KASIH SAYA, SEBAGAI PRESIDEN, ATAS USAHA, BANTUAN DAN PENATLELAH YANG DIBERIKAN OLEH SETIAP ORANG - DARI AHLI-AHLI JAWATANKUASA HINGGA KEPADA PEKERJA DAN SEMUA GOLONGAN YANG TELAH MEMBERIKAN SUMBANGAN MEREKA TERHADAP MAB, BUKAN SAHAJA PADA MENGURUSKAN PENUBUHAN ASRAMA INI, TETAPI JUGA DALAM USAHA LAIN YANG BERKAIT DENGAN PROJEK DAN KEMAJUAN PERSATUAN INI.

Ladies and gentlemen.

II. I AM PARTICULARLY IMPRESSED BY THE SPLENDID SUPPORT GIVEN TO THIS HOSTEL PROJECT BY ALL *concerned,* ~~QUARTERS, RIGHT~~ FROM THE BUILDING TEAM - THE ARCHITECTS, ENGINEERS AND OTHERS, TO THE MAN IN THE STREET. THIS PROJECT CLEARLY REFLECTS THE VALUE OF ^{*cooperation and*} JOINT EFFORTS AND ACTIONS, ~~IN PROVIDING A FACILITY.~~ SUCH ^{*in regard to*} ~~JOINT~~ SPIRIT TRULY AUGERS WELL, NOT ONLY THE FUTURE WORK FOR THE BLIND IN MALAYSIA, BUT ALSO ^{*for*} THE FUTURE OF COMMUNITY PARTICIPATION AND SERVICE TO OUR NATION AS A WHOLE. THANKS TO THE MARVELLOUS SUPPORT GIVEN TO THIS PROJECT, ^{*we see with our*} TODAY ~~THE HOSTEL~~ ^{*own eyes a dream being fulfilled.*} ~~AS WE ALL HAVE SEEN IS REALISED.~~ ^{*own eyes the*} *fulfillment of a dream.*

...II...

I2. THE BLIND IN OUR MIDST MAKES UP AN IMPORTANT COMPONENT OF OUR SOCIETY. THEY HAVE ABILITIES AND CAPABILITIES. GIVEN THE OPPORTUNITY TO WORK WHEN TRAINED, THEY CAN MAKE USEFUL CONTRIBUTIONS TO OUR NATION. THE GOVERNMENT AND THE ASSOCIATION FOR THE BLIND ARE DOING THEIR BEST TO REHABILITATE AND TRAIN THE BLIND FOR USEFUL JOBS. THE PUBLIC WILL, I AM SURE, ^{continue to} RESPOND TO THEIR ^{appeal} ~~REQUESTS~~ FOR ASSISTANCE ~~WHEN THE TIME ARISES.~~ ^{from time to time.}

I3. I ~~ALSO~~ WOULD LIKE TO TAKE THIS OPPORTUNITY TO APPEAL, ESPECIALLY TO THE LARGE FIRMS, TO HELP THE M.A.B. ^{financially and in other ways.} ~~TO HELP THE BLIND.~~ AS YOU CAN SEE, THEY NEED CONSIDERABLE SUMS OF MONEY EACH YEAR TO ^{carry on} ~~MAINTAIN~~ THEIR ~~work~~

..~~SPLENDID RECORDS~~
...I2...

give the same
~~SPLENDID RECORDS AND HIGH STANDARD OF SERVICE TO THE
BLIND IN THIS COUNTRY. PLEASE GIVE THEM YOUR
SUPPORT IN THEIR ~~MANY~~ FUND-RAISING CAMPAIGNS. WHICH ARE
REQUIRED TO OBTAIN THE MUCH NEEDED FUNDS.~~

14. AKHIRKATA, SEBELUM MERASMIKAN HOSTEL INI,
SAYA TELAH DIMINTA UNTUK MEMBERI NAMA YANG SESUAI
BAGI ASRAMA INI. SEBAGAI MENGHARGAI AKAN SOKONGAN
DAN USAHA YANG DIBERIKAN OLEH ROTARY CLUB KUALA LUMPUR,
ASRAMA INI *adalah* DIBERI NAMA:

"ASRAMA ROTARY BAGI ORANG-ORANG BUTA" ATAU
"THE ROTARY HOSTEL FOR THE BLIND".

15. SELAIN DARI ITU, SEBAGAI MENGHARGAI DERMA
PERSAORANGAN YANG DIBERIKAN *oleh* TAN SRI LEE YAN LIAN, MAKA
RECREATION HALL ASRAMA INI DINAMAKAN:

TAN SRI
"DEWAN LEE YAN LIAN".

dengan amat sukacitanya
DENGAN INI, SAYA/~~SUKACITA~~ MERESMIKAN ASRAMA
INI. SEMOGA BERBAHGIALAH PENGHUNINYA.

TERIMA KASIH.



No Siri	621
No Penerimaan	14/84